

BN tidak mungkin ditikam sekali lagi — Mahathir

1 FEB 1994

KUCHING 31 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penerimaan Parti Maju Sabah (SAPP) tidak mungkin menyebabkan BN ditikam buat kali kedua sebagaimana yang dilakukan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, sukar untuk mengagak perkara itu daripada berlaku pada masa ini kerana ia di luar keupayaan pengetahuan manusia.

"Pada masa ini tidak siapa yang tahu sama ada pisang akan berbuah dua kali kerana manusia tidak mampu menelaah sesuatu yang di luar keupayaannya," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching

sebelum berlepas ke Sabah pagi ini.

Perdana Menteri mengadakan lawatan dua hari ke Sarawak yang antara lain untuk melancarkan Projek Raksasa Elektrik Hidro Bakun yang menelan belanja RM15 bilion.

Menurut Dr. Mahathir, pada masa ini Barisan Nasional tidak perlu mengadakan perbincangan untuk mengadakan langkah-langkah awal jika SAPP pada akhirnya menikam dari belakang.

"Pada sesuatu peringkat, kita kena bergantung kepada soal kepercayaan," ujarnya.

Sehubungan itu Perdana Menteri mengulangi pendiriannya bahawa beliau tidak mempunyai sebarang

bantahan untuk menerima SAPP ke dalam BN.

Oleh itu terpulanglah kepada parti-parti komponen BN yang lain sama ada menerima atau menolak permohonan SAPP itu.

Katanya, setakat ini tidak ada sebarang bantahan dikemukakan dan SAPP terus mendapat sokongan daripada masyarakat Cina di Sabah.

Menurut Dr. Mahathir, sementara itu antara tujuannya ke Sabah hari ini adalah untuk berbincang lebih lanjut lagi mengenai permohonan parti itu.

Antara lain, beliau akan meminta kepastian daripada parti itu sama ada ingin menggunakan lambang BN dalam pilihanraya negeri ini jika diterima masuk BN

atau menggunakan lambang sendiri sahaja.

Ditanya sama ada kewibawaan BN akan terjejas jika SAPP mengambil keputusan untuk menggunakan simbol SAPP, beliau berkata: "Saya tidak boleh jawab sekarang, kita bincang dahulu di Sabah dan tunggu dulu mengenainya esok."

Malam tadi, ketika berucap pada majlis makan malam anjuran Barisan Nasional di Santubung, Dr. Mahathir membayangkan bahawa SAPP akan diterima sebagai salah sebuah daripada keluarga BN.

"Pada hari ini BN bukan sahaja sebuah parti yang berasaskan parti-parti satu kaum tetapi juga parti pelbagai kaum," ujarnya.

Mengenai dakwaan sogokan wang Perkhidmatan Perisikan Sulit Australia (ASIS) kepada pemimpin pembangkang negara, Dr. Mahathir berkata, Australia tidak boleh digantung harapan untuk mendedahkan lebih lanjut mengenai dakwaan perkhidmatan itu.

Menurutnya, Australia yang setakat ini tidak memberi sebarang tindak balas mengenai dakwaan itu mungkin beranggapan laporan mengenai ASIS itu boleh memburukkan namanya dan tidak mahu memanjangkan isu itu.

Begitupun, Malaysia yakin terdapat kebenaran mengenai dakwaan tersebut kerana ia dibuat oleh ejen Australia sendiri.